

BAB 8: PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

BAHAGIAN A: ISIKAN TEMPAT KOSONG

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN.

LAPORAN BARNES 1950

1. Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) bermula sebelum merdeka apabila British memperkenalkan Sistem Ahli.
2. Laporan Barnes 1950 mencadangkan semua sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan dan digantikan dengan satu sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan.
3. Sekolah kebangsaan yang dicadangkan ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah serta bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi.

LAPORAN FENN-WU

1. Laporan Fenn-Wu 1951, yang mewakili masyarakat Cina mencadangkan sekolah vernakular Cina terus kekal walaupun bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan.

ORDINAN PELAJARAN 1952.

1. Ordinan Pelajaran 1952 kemudiannya diperkenalkan dengan mengambil kira Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.
2. Ordinan ini mencadangkan dua sistem persekolahan yang menggunakan dua bahasa pengantar, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.
3. Pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil akan disediakan sekiranya terdapat permintaan daripada ibu bapa .
4. Bahasa Melayu wajib diajar di sekolah Inggeris dan sebaliknya bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah Melayu.
5. Walaupun bagaimanapun, Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dijalankan kerana tentangan masyarakat Cina dan India, kekurangan kewangan dan ancaman pengganas komunis pada ketika itu.

PENYATA RAZAK 1956

1. Cadangan Penyata Razak ialah penubuhan sekolah umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis umum (rendah) yang menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar.

2. Sekolah menengah Melayu pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa **Inggeris** sebagai bahasa pengantar.
3. Bahasa Melayu dan bahasa **Inggeris** diwajibkan diajar di semua sekolah.
4. Penyata Razak kemudiannya dijadikan **Ordinan Pelajaran 1957**

AKTA BAHASA KEBANGSAAN

Langkah/Usaha/Cara Memajukan Bahasa Melayu

1. Penubuhan **Dewan Bahasa dan Pustaka**
2. Pelancaran **Minggu Bahasa** dan **Bulan Bahasa**
3. Pelancaran **slogan** “ Minggu Bahasa ” dan “ Bulan Bahasa
4. Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah **Alam Syah**
5. Meluluskan **Akta Bahasa Kebangsaan 1967**
6. Menukar bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris kepada bahasa **kebangsaan** secara berperingkat-peringkat
7. Penubuhan Universiti **Kebangsaan** pada 1977
8. Mulai 1982 bahasa **Melayu** menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris
9. Penggunaan bahasa Melayu di **mahkamah** pada tahun 1990

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Sejarah penubuhan :

1. Lahir daripada **gagasan** Kongres kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1971
- 2.

Tujuan Dasar Kebudayaan digubal :

1. Menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan **identiti** negara Malaysia
2. Bertujuan memperkuuh **perpaduan** melalui kebudayaan
3. Memupuk dan memelihara **keperibadian** kebangsaan
4. Memperkaya dan mempertingkat kualiti kehidupan dari aspek **kemanusiaan**
5. Memperkaya dan mempertingkat kualiti kehidupan dari aspek **kerohanian**
6. Mempertingkat kualiti kehidupan seimbang dengan pembangunan **sosio ekonomi**

Tiga Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan :

1. Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai **tunjang**
2. Unsur-unsur **kebudayaan** lain yang wajar dan sesuai boleh diterima
3. **Islam** sebagai unsur yang terpenting

SUKAN UNTUK PERPADUAN

Usaha yang boleh dilaksanakan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan generasi baru negara kita

1. Penyertaan dalam sukan tanpa mengira **ideologi**
2. Dapat menyemarakkan semangat **patriotik** di kalangan rakyat
3. Aktiviti sukan tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu **kaum** sahaja
4. Aktiviti sukan membuka peluang seluas-luasnya kepada mereka yang berminat pada peringkat **sekolah**.
5. **Majlis Sukan sekolah-sekolah** ditubuhkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
6. Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan **dua** tahun sekali
7. SUKMA dapat mengeratkan **perpaduan** antara kaum / hubungan antara negeri

WAWASAN 2020

Maksud Wawasan 2020 :

1. Merupakan **gagasan** negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020
2. Dicetuskan oleh **Perdana Menteri** Dato Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1981

Matlamat wawasan 2020

1. Menjadikan Malaysia sebuah negara maju menggunakan **acuan** sendiri setanding dengan negara maju
2. Menitikberatkan kemajuan **bersepadu**
- 3.

Kemajuan Bersepadu untuk menjadi negara maju berteraskan :

1. Perpaduan **rakyat**
2. Kestabilan **politik**
3. Ketinggian taraf **hidup**
4. Kekuahan nilai moral dan **etika**
5. Kekuahan sistem **kerajaan**
6. Ketinggian **maruah** bangsa
7. Semangat **yakin** diri bangsa

Sembilan Cabaran Wawasan 2020 :

Cabaran Pertama : Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu

1. **Perpaduan** dapat dicapai melalui dasar kerajaan seperti dasar Pembangunan Nasional, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan
2. Memberikan sumbangan ke arah mewujudkan **hubungan** antara kaum
3. Dapat mewujudkan rakyat yang **beridentitikan** Malaysia

Cabaran Kedua : Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

1. Bangsa yang **gagah** akan dapat memajukan negara dan mengangkat martabat bangsa dan negara
2. **Musuh** negara mudah ditangkis

Cabaran Ketiga : Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang

1. Masyarakat memiliki **kebebasan** untuk memilih kerajaan
2. Menggunakan hak-hak **demokrasi** dengan sewajarnya
3. Perasaan tidak puas hati dan teguran kepada kerajaan dan pemimpin disalurkan melalui **saluran** tertentu

Cabaran Keempat: Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika

1. Diseimbangkan dengan kemajuan **fizikal** dalam membentuk masyarakat berbudaya unggul
2. Kepatuhan kepada **agama**, pengamalan budaya dan tradisi yang cemerlang
3. Keberkesanan sistem **pendidikan**
4. Keunggulan institusi kekeluargaan sumber pembinaan masyarakat **bermoral**
5. Penekanan kepada melahirkan **insan** berilmu , berakhlik , seimbang dan harmonis

Cabaran Kelima : Mewujudkan masyarakat yang matang , liberal dan bertoleransi

1. Masyarakat yang matang dapat berfikir secara **rasional** dan tidak bertindak secara melulu
2. Masyarakat yang **liberal** dapat membebaskan diri daripada fahaman sempit dan berfikiran terbuka serta menerima perubahan dan pandangan orang lain
3. Dapat dilihat melalui **perlembagaan** negara , pengamalan sistem demokrasi , kewujudan parti politik gabungan pelbagai kaum seperti Barisan Nasional , Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Akta Bahasa Kebangsaan

Cabaran Keenam : Membina masyarakat yang maju dan saintifik

1. Masyarakat **progresif** yang dapat menyerap perubahan persekitaran untuk membina kecemerlangan
2. Penguasaan masyarakat terhadap ilmu pengetahuan yang bertunjangkan sains dan **teknologi** ukuran kemajuan bangsa
3. Mempunyai **budaya** ilmu yang menjana produktiviti dan amalan kreatif serta inovatif

Cabaran Ketujuh : Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang

1. Dicirikan dengan kehidupan masyarakat yang **bermuafakat**, saling memahami dan menghormati, bekerjasama dan saling membantu
2. Masyarakat yang tidak **individualistik**
3. Meletakkan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan **diri**
4. Asas masyarakat penyayang ialah **kepatuhan** kepada agama, nilai-nilai murni amalan tradisi dan institusi kekeluargaan

Cabaran Kelapan : Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya

1. Pelaksanaan **dasar-dasar** seperti Rancangan Pembangunan Lima Tahun , Rancangan Pembangunan Luar Bandar , Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional.

2. Dasar-dasar ini untuk memjamin keadilan **ekonomi** sekaligus meningkatkan taraf hidup rakyat

Cabaran Kesembilan : Memupuk dan membina masyarakat makmur

3. Dicirikan oleh masyarakat yang hidup dalam **kemewahan** dan mempunyai taraf hidup yang tinggi
4. Tiada ahli masyarakat yang hidup mlarat dalam **kemiskinan**
5. Pendapatan **isi rumah** pendapatan negara berada pada tahap yang tinggi

Tanggungjawab pelajar dalam merealisasikan Wawasan 2020

1. Mengekalkan **perpaduan**
2. Saling memahami dan **menghormati**
3. Memiliki daya kreatif dan **inovatif**
4. Bersikap **terbuka**
5. **Bangga** dengan apa yang dicapai
6. Menghayati Falsafah **Pendidikan** negara
7. Berusaha mengekalkan kemajuan **negara**
8. Menjadi masyarakat yang berbudaya **penyayang**

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

WAWASAN 2020

Soalan Pernyataan di bawah berkaitan dengan Wawasan 2020

1

Wawasan 2020 merupakan agenda nasional dalam menghadapi cabaran dan persaingan dunia sejagat

a) Namakan tokoh yang mencetuskan idea tersebut?

F1 Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad

(1 X 1 = 1 markah)

b) Nyatakan dua matlamat Wawasan 2020.

F1 Menjadikan Malaysia sebuah Negara industri yang maju

F2 Menggunakan acuan sendiri

F3 Setanding dengan negara maju yang lain

F4 Kemajuan yang diharapkan bukan hanya kemajuan dari segi fizikal semata-mata

F5 Kemajuan yang ingin dicapai ialah kemajuan bersepadu

(5 X 1 = 2 markah)

c) Senaraikan tiga daripada sembilan cabaran yang terdapat dalam wawasan itu.

F1 Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu

F2 Membina masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

F3 Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang

F4 Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika

- F5 Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi
- F6 Membina masyarakat yang maju dan saintifik
- F7 Mewujudkan masyarakat yang berjiwa penyayang
- F8 Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya
- F9 Memupuk dan membina masyarakat makmur

(9 X 1 = 3 markah)

d) **Pada pendapat anda, apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menjayakan Wawasan 2020?**

- F1 Masalah polarisasi/perkauman
- F2 Mewujudkan identiti Malaysia
- F3 Menyemai perasaan Malaysia Boleh
- F4 Masalah masyarakat yang berfikiran sempit/tidak terbuka
- F5 Menangkis gejala sosial dari Barat
- F6 Masalah keruntuhan akhlak seperti buang bayi / bohsia / rempit / dadah
- F7 Masalah buta huruf
- F8 Mewujudkan masalah celik ICT
- F9 Mewujudkan budaya bersaing di peringkat global
- F10 Bertunjangkan negara sendiri
- F11 Mewujudkan masyarakat yang mencintai ilmu pengetahuan
- F12 Melahirkan budaya mencipta
- F13 Menekankan kepentingan agama dan kehidupan
- F14 Masalah tidak menghormati generasi tua
- F15 Masalah minda kelas ketiga
- F16 Masalah merosakkan harta awam
- F17 Mengagihkan kekayaan negara secara adil
- F18 Meninggikan taraf hidup dan kualiti hidup rakyat
- F19 Membasmi kemiskinan
- F20 Meningkatkan pendapatan penduduk / Negara
Mana-mana jawapan yang munasabah.

(20 X 1 = 2 markah)

e) **Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda berusaha untuk merealisasikan Wawasan 2020?**

- F1 Menuntut ilmu pengetahuan
- F2 Mendalami ilmu ICT
- F3 Mempelajari Matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris
- F4 Mempelajari pelbagai bahasa asing
- F5 Mengamalkan perpaduan antara kaum
- F6 Bersikap boleh bertolak ansur / tidak mementingkan diri
- F7 Memiliki moral yang baik
- F8 Mengamalkan sikap penyayang tanpa mengira kaum
- F9 Menjauhi gejala tidak sihat / negative
- F10 Patuh kepada ajaran agama

- F11 Menghormati nilai tradisi budaya bangsa
 - F12 Menerapkan semangat Malaysia boleh dalam diri
 - F13 Mengikuti peraturan dan undang-undang sekolah dan negara
Mana-mana jawapan yang munasabah

(13 X 1 = 2 markah)

Soalan 2 Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memartabatkan bahasa Melayu?

- F1 Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - F2 Penubuhan Dewan Bahasa dan pustaka (DBP)
 - F3 Pelancaran “Minggu Bahasa” dan ‘Bulan Bahasa’
 - F4 Slogan “Bahasa Jiwa Bahasa” dilancarkan pada tahun 1960
 - F5 Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

(5 x 1 = 2 markah)

b) Senaraikan dua buah sekolah menengah terawal yang ditubuhkan menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar.

- F1 Sekolah Alam Shah
 - F2 Sekolah Sri Puteri
 - F3 Sekolah Sultan Abdul Halim

(3 x 1 = 2 markah)

c) Apakah bukti yang menunjukkan Bahasa Melayu telah dinaikkan kedudukannya di Malaysia? (3 x 1 = 2 markah)

- F1 Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan 1967
 - F2 1970, bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris ditukar kepada bahasa kebangsaan berperingkat-peringkat
 - F3 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia
 - F4 1982, Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah.

(4 x 1 = 2 markah)

d) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu?

- F1 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia 1977
 - F2 Bahasa Melayu mula digunakan di mahkamah 1990
 - F3 1982, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris
 - F4 Bahasa Melayu pernah menjadi Lingua-Franca
Mana-mana jawapan yang munasabah.

(4 x 1 = 2 markah)

- e) **Pada pendapat anda, bagaimanakah minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dapat dipupuk?**
- F1 Memperkasa program NILAM
 F2 Mempelbagai aktiviti sempena minggu bahasa Melayu di sekolah
 F3 Melancarkan Kempen Cintailah Bahasa Melayu
 F4 Mempelbagaikan kaedah pengajaran Bahasa Melayu
 Mana-mana jawapan munasabah

(4 x 1 = 2 markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Soalan	Butiran	Markah
Soalan 1	Senarai berikut menerangkan laporan kajian pelajaran yang dikeluarkan antara tahun 1960 hingga 1974. <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Rahman Talib • Kajian Aminuddin Bakri • Jawatankuasa Kabinet 	

- (a) **Senaraikan syor-syor dalam Penyata Rahman Talib.**

F1	Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan	1m
H1a	bagi memupuk semangat perpaduan kaum	1m
F2	Sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan	1m
F3	Pelajaran percuma	1m
H3a	diberi kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan	1m
H3b	tanpa mengira keturunan dan agama	1m
F4	Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1m
F5	Sekolah rendah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu.	1m
F6	Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah	1m
F7	Pelajaran agama Islam diajar disemua sekolah bantuan penuh kerajaan	1m
H7a	sekiranya tidak kurang 15 orang pelajar Islam	1m
F8	Bahasa Cina dan Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan	1m
H8a	sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar Cina dan India	1m
F9	Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan	1m

(15 x 1 = max 8 markah)

(b) **Jelaskan objektif penubuhan Jawatankuasa Kabinet.**

- | | | |
|----|---|----|
| F1 | Menilai sejauhmana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan yang sedia ada. | 1m |
| F2 | Melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh negara | 1m |
| F3 | Mengenalpasti sejauhmana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan tertib | 1m |
| F4 | Menekankan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek | 1m |
| F5 | Menekankan penguasaan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) | 1m |
| F6 | Kenaikan darjah secara automatik | 1m |
| F7 | Penekanan terhadap sekolah vokasional | 1m |
| F8 | Sukatan pelajaran sekolah swasta | 1m |
| F9 | Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan | 1m |

(9 x 1 = max 7 markah)

(c) **Pada pandangan anda, mengapakah pendidikan penting kepada sesebuah negara?**

- | | | |
|----|---|----|
| F1 | Memajukan negara | 1m |
| F2 | Memajukan ekonomi | 1m |
| F3 | Kestabilan politik | 1m |
| F4 | Rakyat berilmu | 1m |
| F5 | Kesejahteraan rakyat | 1m |
| F6 | Dihormati negara lain | 1m |
| F7 | Membasmi kadar buta huruf | 1m |
| F8 | Melestari pembangunan sains dan teknologi | 1m |

Mana-mana jawapan yang munasabah

(8 x 1 = max 5 markah)

BAHAGIAN D : SOALAN OBJKTIF

1. Apakah persamaan agensi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Pertama?

- | |
|--|
| ● Majlis Amanah Rakyat (MARA) |
| ● Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) |

- A. Mempelbagaikan jenis tanaman
B. **Menumpukan pembangunan luar Bandar**
C. Mengawal kemasukan bahan makanan import
D. Melatih bumiputra dalam bidang perindustrian

JAWAPAN : B


2. Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar di bawah?

Tahun	Perkara	Matlamat
1984	Dasar kependudukan	Meningkatkan jumlah penduduk Malaysia menjadi 70 juta dalam tempoh 115 hingga 120 tahun

- I. Menambahkan bilangan tenaga kerja
 - II. Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
 - III. Mengimbangi kekuatan tentera negara jiran
 - IV. Meningkatkan pasaran keluaran barang tempatan
- A. I dan II
 - B. I dan IV**
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

JAWAPAN : B

3. Apakah tujuan penubuhan badan berkanun di bawah?



- A. Memasarkan hasil pertanian
- B. Menggalakkan kegiatan industri desa
- C. Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan**
- D. Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

JAWAPAN : C

4. Apakah badan yang dipertanggungjawabkan terhadap Dasar Penswastaan?

- A. Majlis Gerakan Negara
- B. Majlis Perundingan Negara
- C. Unit Perancangan Ekonomi**
- D. Pusat Daya Pengeluaran Negara


JAWAPAN : C

5. Apakah tindakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menilai pelaksanaan program Rancangan Malaya Kedua?

- A. Memperkenalkan Buku Merah**
- B. Menubuhkan Majlis Amanah Rakyat
- C. Merangka Pelan Hidup Perindustrian
- D. Melaksanakan Dasar Pertanian Negara

JAWAPAN : A


6. Apakah langkah yang perlu diambil bagi menghadapi cabaran di bawah?



- A. **kekayaan negara dikongsi**
- B. Pelaburan asing ditingkatkan
- C. Peluang pekerjaan ditambah
- D. Budaya cemerlang diamalkan

JAWAPAN : A


7. X dalam rajah di bawah merujuk kepada



- A. Jawatankuasa Kabinet
- B. **Majlis Gerakan Negara**
- C. Majlis Angkatan Tentera
- D. Jawatankuasa Antara Kerajaan

JAWAPAN : B

8. Apakah tanaman komersial yang diusahakan oleh agensi di bawah?



- A. Nanas dan kopi
- B. Kelapa dan koko
- C. Tembakau dan teh
- D. **Getah dan kelapa sawit**

JAWAPAN : D

9. Apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang ditubuhkan pada tahun 1973?
- A. Membangunkan industri desa
 - B. Mengawal kualiti hasil pertanian
 - C. Menjalankan penyelidikan pertanian
 - D. Membantu petani dalam kegiatan koperasi**

JAWAPAN : D

10. Apakah persamaan antara agensi berikut?
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
 - Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
- A. Merupakan badan berkanun**
 - B. Mempunyai kementerian sendiri
 - C. Tidak mempunyai kuasa autonomi
 - D. Tidak mempunyai peruntukan kewangan

JAWAPAN : A

11. Akta pelaburan digubal pada 1969. Apakah fungsinya?
- A. Menggalakkan kemunculan industri baru**
 - B. Merancang dasar negara ke arah teknologi
 - C. Menggariskan program pembangunan negara
 - D. Menyediakan peraturan-peraturan perkilangan

JAWAPAN : A

12. Apakah yang ditekankan oleh program pembangunan in-situ?
- A. Menanam semula getah
 - B. Menggalakkan industri pelancongan
 - C. Menyediakan modal kepada industri kecil
 - D. Memulih kawasan berproduktiviti rendah**

JAWAPAN : D

13. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal membentuk identiti negara berteraskan
- I tradisi rakyat asal
 - II amalan kaum lain
 - III unsur agama Islam
 - IV Institusi kesultanan
 - A I , II dan III**
 - B I , II dan IV
 - C I , III dan IV
 - D II , III dan IV

JAWAPAN : A

14. Antara berikut yang manakah merupakan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- I Meningkatkan kemudahan infrastruktur
 - II Membangun kawasan bandar
 - III Menyusun semula masyarakat
 - IV Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- A I dan II
 - B II dan III
 - C **III dan IV**
 - D I dan IV

JAWAPAN : C

15. KEJORA , DARA DAN KETENGAH merupakan program pembangunan wilayah yang dilaksanakan di atas adalah untuk

- A **pembukaan tanah**
- B pemodenan pertanian
- C pembangunan perindustrian
- D perkembangan perdagangan

JAWAPAN : A